

# Demi keamanan-PM

26 JUL 1993

**K**UALA LUMPUR 25 Julai — Perdana Menteri berkata, Malaysia menghantar tenteranya menyertai pasukan pengaman pelbagai negara bukan sahaja demi keselamatan negara berkenaan tetapi juga untuk keamanan dunia keseluruhannya.

Katanya, Malaysia perlu memainkan peranan untuk keamanan dunia kerana sekiranya dunia tidak aman Malaysia juga berada dalam keadaan tidak selamat.

"Dunia yang tidak selamat, tidak akan dapat menjamin Malaysia selamat. Suatu hari nanti, kita mungkin juga akan diserang," katanya ketika merasmikan Himpunan Pahlawan Bersama Perdana Menteri, di sini hari ini.

Kira-kira 18,000 bekas anggota tentera dan ahli Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM) serta keluarga mereka turut hadir bersama Menteri Pertahanan, Dato' Sri Najib Tun Razak dan timbalannya Dato' Wan Abu Bakar Wan Mohamed serta Presiden PBPM, Dato' Zainol Abidin Johari.

Dr. Mahathir berkata, tindakan tersebut juga adalah untuk mencari rakan yang dapat membantu Malaysia sekiranya diserang oleh

negara lain lebih-lebih lagi dalam keadaan pertumbuhan pesat ekonomi negara.

Menurutnya, dalam keadaan sedemikian, Malaysia sudah tentunya mendapat bantuan ketenteraan daripada rakan-rakannya atau negara-negara yang pernah Malaysia bantu melalui penghantaran tentera.

"Kita harus ingat, apabila diserang, kita perlu kawan, kalau tak ada kawan kita akan ditakluk oleh pihak lain," tegasnya.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia perlu menunjukkan rasa tanggungjawab ke atas negara-negara lain yang menghadapi kesusahan dan nasib buruk lebih-lebih lagi negara yang seagama dan setaraf dengan Malaysia.

"Malaysia ibarat sebuah pulau yang dikelilingi oleh dunia yang penuh pancaroba dan masalah.

"Ada negara di sekeliling kita walaupun aman masih menghadapi masalah ekonomi, ada yang diserang, kebuluran dan tidak begitu stabil sehingga rakyat hidup dalam ketakutan," tegasnya.

Bagaimanapun, katanya, di Malaysia keadaan tersebut tidak wujud kerana terdapat rakyat

termasuk bekas-bekas perajurit dan anggota tentera yang ada sekarang yang sanggup berkorban untuk mempertahankan keselamatan negara.

Perdana Menteri menambah, keputusan kerajaan menghantar tentera menyertai misi pengaman di beberapa buah negara seperti Kemboja, Somalia dan Bosnia-Herzegovina bukan bermakna Malaysia sanggup mendedahkan anggota tenteranya kepada bahaya tanpa perlindungan.

## Keselamatan diri

Menurutnya, para anggota tentera terlibat akan dilatih dan dibekalkan dengan peralatan yang lengkap serta keperluan lain bagi mempertahankan keselamatan diri mereka.

Beliau berkata, kerajaan mengambilkira pelbagai faktor termasuk nasib dan keselamatan diri anggota tentera Malaysia sebelum bersetuju menghantar mereka bertugas di bawah pasukan pengaman PBB.

"Bukan sesuatu yang mudah dan boleh dianggap ringan bagi kerajaan membuat keputusan ini, kita perlu ambilkira pelbagai per-

kara, termasuk anak isteri dan keluarga mereka," ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, kemampuan Malaysia melindungi negara-negara yang teraniaya adalah terhad tidak seperti kuasa-kuasa besar dan kerana itulah Malaysia berusaha menayakan Wawasan 2020.

"Kita bukan Amerika Syarikat, Russia, Britain, Perancis atau Jerman. Kerana itulah kita mahu merealisasikan wawasan itu, bukan kerana mahu hidup mewah tetapi mahu menjadi negara maju, dihormati dan disegani oleh negara lain," katanya.

Mengenai cadangan PBPM untuk mewujudkan Tabung Modal Pusingan, Perdana Menteri berkata, beliau akan menimbang dengan positif cadangan tersebut bagi bekas perajurit yang bercadang melibatkan diri dalam bidang perniagaan.

Pada majlis itu juga Dr. Mahathir turut melancarkan majalah bulanan ketenteraan '*Pahlawan*'.

Dr. Mahathir, Najib dan bekas Panglima Angkatan Tentera, Jeneral (B) Hamid Bidin dianugerahkan Pingat Darjah Bakti Wira Terpuji oleh persatuan tersebut.